

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ berbuat bising di ruang ini," kata jururawat kepada sekumpulan lelaki itu.
A Tidak C Harap
B Sila D Jangan
2. _____ kata kamu Neeta. Wajarliah kita membantu mangsa kemalangan itu.
A Ya C Memang
B Benar D Harap

3. "_____ berdiam diri apabila disoal oleh guru. Kamu harus mencuba untuk menjawab soalan tersebut," pesan ibu kepada Amalina.
A Usah C Minta
B Harap D Tolong
4. _____ para peserta duduk di tempat masing-masing kerana acara akan bermula sebentar lagi.
A Tolong C Sila
B Minta D Harap

5. _____ bawakan kelengkapan makmal ini ke bilik makmal dengan berhati-hati.
A Usah C Harap
B Sila D Tolong

6. "_____ abaikan aspek keselamatan diri bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," pesan Cikgu Latif kepada para peserta kayak itu.
A Sila C Jangan
B Harap D Tolong

Praktis PT3 Bahagian B

A Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan kata yang paling sesuai.

1. _____ keadaan datuk pada pagi ini sudah bertambah baik.
2. Wanita yang memandu kereta itu _____ ibu saya, tetapi mak cik saya.
3. Murid-murid _____ dibenarkan masuk ke dalam makmal tanpa kebenaran guru.
4. Brosur ini _____ tentang cara-cara untuk menghindari pembuli.
5. "_____, saya tidak mengambil novel kakak," kata Amirul setelah ditanya oleh kakaknya tentang novel tersebut.
6. _____ terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara kerana sikap sebegini boleh mengundang padah.

B Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mengalu-alukan kedatangan pengetua yang baharu.

2. Tolong duduk dahulu, Puan Sarah. Saya akan memanggil ibu di bilik.

3. Lelaki yang dibawa ke hospital itu tidak pemandu bas, tetapi pemandu kereta.

4. "Tolong jangan berlari di tangga," kata Cikgu Arman kepada murid-murid itu.

5. Sejak kecil lagi dia hanya hendak menjadi seorang polis trafik.

6. Saya tidak mengetahui hal yang dibincangkan oleh mereka semalam, tetapi Nurul adalah bertanya hal itu kepada Azhar.
